

JAWATAN

Penolong Eksekutif Hasil (Teknologi Maklumat) Kontrak

KELAYAKAN MEMOHON

Memiliki Diploma dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

CARA MEMOHON

- Calon hanya dibenarkan untuk memohon satu jawatan yang diiklankan sahaja. Permohonan tidak perlu dicetak / dipos ke LHDNM.
- Permohonan daripada calon luar hendaklah dibuat melalui sistem yang boleh dicapai melalui URL: <https://career.hasil.gov.my/>
- Permohonan daripada calon yang merupakan pegawai LHDNM bertaraf Kontrak Bergaji Harian hendaklah dibuat melalui sistem yang boleh dicapai melalui URL: <https://spi.hasil.gov.my/>. Pemohon hendaklah memastikan semua maklumat di Sistem Pengurusan Insan (SPI) adalah tepat dan terkini sebelum permohonan dibuat.

KELAYAKAN TAMBAHAN YANG DIPERLUKAN

- Semua pemohon mestilah Warganegara Malaysia berumur dalam lingkungan tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan.
- Keujian dalam subjek Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Permohonan hanya dibuka untuk calon luar dan kontrak bergaji harian yang sedang berkhidmat di LHDNM sahaja.
- Memiliki Purata Nilai Gred Terkumpul (CGPA) sekurang-kurangnya 2.70 dan ke atas bagi Diploma berkenaan.

BIDANG & SKOP TUGAS

Fungsi Projek Transformasi Hasil (TH).

- Membantu melaksanakan kajian kemungkinan dan analisis keperluan pengguna serta membantu menyediakan sebarang reka bentuk sistem mengikut hasil analisis;
- Membantu membangunkan sistem menggunakan perisian yang disediakan serta membantu menjalankan pengujian, latihan dan pelaksanaan produksi sistem dan
- Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan.

Atau

Fungsi Program Bantuan Khas Kerajaan (BKK).

- Membantu mengkaji spesifikasi skema pangkalan data;
- Membantu merekabentuk pangkalan data berdasarkan DDS;
- Membantu melaksanakan pengujian pangkalan data dengan sistem;
- Membantu melaksanakan pengujian keupayaan pangkalan data;
- Memastikan pangkalan data berfungsi dengan keupayaan yang optimum;
- Memastikan proses pembersihan data agensi dan ETL berjaya dilaksanakan dan
- Penyediaan dokumentasi bagi pembangunan pangkalan data.

GAJI PERMULAAN & PENEMPATAN

Gaji Permulaan : RM 2,198.00

Penempatan : Jabatan Teknologi Maklumat

MAKLUMAT TEMU DUGA

- Nama calon yang berjaya dipanggil menghadiri temu duga akan **dimaklumkan** di Portal Rasmi LHDNM www.hasil.gov.my (ruangan "Kerjaya"). Keputusan adalah **muktamad**.
- Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh 45 hari daripada tarikh tutup iklan, adalah dianggap tidak berjaya.
- **Pemohon dinasihatkan sentiasa menyemak Portal Rasmi LHDNM** untuk sebarang perkembangan terkini berhubung tawaran jawatan ini.
- Sekiranya memerlukan penjelasan lanjut, sila emelkan pertanyaan ke alamat: kerjaya@hasil.gov.my

TEMPOH IKLAN

Tarikh Buka : 06 April 2022

Tarikh Tutup : 20 April 2022